



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**REMAJA DAN KERJAYA SEBAGAI ANGGOTA
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM):
SATU KAJIAN DI KUCHING SARAWAK**

Oleh:

**SHAMSUL AFKAR BIN ABD RAHMAN
No UiTM: 96306973**

**Kajian Diploma Pentadbiran Awam
Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang
Universiti Teknologi Mara
Caw. Sarawak
Kampus Samarahan
93400 KOTA SAMARAHAN
Sarawak**

MAC 2002

ABSTRAK

Kursus Metodologi (PAD 340) ini adalah satu kursus yang terdapat dalam Kajian Diploma Pentadbiran Awam (AL 110). Ia merupakan pra-syarat kepada para pelajar untuk memperolehi diploma dan dibahagikan kepada dua fasa: iaitu kuliah metodologi dan penyediaan cadangan penyelidikan (RP) serta fasa kedua adalah pelaksanaan dan penyediaan laporan kajian.

Kajian ini dipersembahkan dalam lima bab, iaitu bab pengenalan kepada kajian, tinjauan karya, metodologi untuk pelaksanaan kajian, analisa keputusan dan penemuan. Akhirnya kesimpulan, rumusan dan cadangan untuk penyelidik akan datang.

Perbincangan mengenai pemilihan kerjaya oleh remaja ini masih belum pernah menghampiri nokhtah penghujungnya. Ramai cendiakawan yang mengkaji tabii masyarakat; terutama para remaja di dalam proses pemilihan kerjaya mereka. Hasilnya, terdapat pelbagai teori dan pendekatan yang telah dibincangkan oleh para penyelidik proses 'pemilihan kerjaya'.

Kesemua pendedahan di dalam laporan ini adalah bertujuan untuk melihat aspirasi dan persepsi remaja, terutamanya pelajar tingkatan lima di sekitar bandaraya Kuching terhadap pilihan kerjaya mereka setelah menamatkan persekolahan; dan difokuskan kepada kerjaya sebagai seorang anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), kerana dikatakan bahawa kerjaya ini kurang mendapat sambutan sejak beberapa tahun kebelakangan.

Kajian ini cuba mencari kedudukan kerjaya sebagai tentera ini di dalam carta pilihan kerjaya remaja. Apakah persepsi mereka terhadap kerjaya ini, positif atau negatif? Apakah pula kriteria-kriteria golongan remaja yang meminati ATM? dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kemereosotan bilangan remaja yang ingin menyertai tentera. Kajian memberikan beberapa cadangan yang difikirkan bernas untuk memperbaiki situasi ini di masa hadapan.

Dengan terhasilnya kajian ini, diharapkan ia akan dapat membantu semua pihak yang terlibat dan yang mempengaruhi pilihan kerjaya remaja akan memberi dorongan dan galakkan yang lebih baik supaya persepsi dan aspirasi remaja lebih positif terhadap kerjaya sebagai anggota Angkatan Tentera Malaysia.

KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|--------------------|------|
| Surat Penyerahan | |
| Pengakuan | i |
| Penghargaan | ii |
| Abstrak | iii |
| Kandungan | iv |
| Senarai Jadual | vii |
| Senarai Gambarajah | viii |
| Senarai Singkatan | ix |
| Daftar Kata | x |

BAB 1.0 PENGENALAN KAJIAN

| | | |
|-----|--------------------|---|
| 1.1 | Latarbelakang | 1 |
| 1.2 | Skop | 3 |
| 1.3 | Penyata Masalah | 4 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 6 |
| 1.5 | Kepentingan Kajian | 7 |

BAB 2.0 TINJAUAN KARYA

| | | |
|-----|---|----|
| 2.1 | Definisi Pemilihan Kerjaya | 9 |
| 2.2 | Tiga Pengkajian dan Pendekatan Klasik dalam Teori Pemilihan Kerjaya | 10 |
| 2.3 | Remaja dan Kerjaya: Masalah dan Perpektif | 15 |
| 2.4 | Teori Sosialisasi Pemilihan Kerjaya | 18 |
| 2.5 | Faktor-Faktor yang mempengaruhi Pilihan Kerjayaan Persepsi Kerjaya Lepas Sekolah | 22 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Kajian

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah ditubuhkan sejak tahun 1933, dan kini usia ATM telah mencapai ke angka 68 tahun. Ia merupakan satu kerjaya yang paling dihormati dan disegani oleh semua lapisan masyarakat.

Peranan utama ATM adalah untuk mempertahankan kedaulatan dan kepentingan strategik negara Malaysia dari ancaman luar. Dalam keadaan aman pula ATM akan membantu Pihak Berkuasa Awam dalam membentaras ancaman dalam negeri seperti pemulihan dan pemeliharaan ketenteraman awam, bantuan bencana alam dan terlibat secara langsung atau tidak dalam pembangunan negara. Di samping itu sebagai peranan sokongan ATM, ia juga menyumbang tenaga dalam keamanan dan kestabilan dunia menerusi operasi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

ATM telah terlibat dalam pelbagai konflik antaranya Peperangan Dunia Kedua, keganasan Penganas Komunis, Konfrantasi Indonesia dan banyak lagi. ATM juga telah mengharumkan negara dengan pembabitian misi PBB di Congo, Kemboja, Bosnia, Sahara Barat, Timor Timur dan banyak lagi.

Ketika era kegemilangan ini, ATM telah disuntik dengan satu cabaran tidak baik yang dapat menarik tumpuan semua masyarakat negara iaitu kurangnya sambutan remaja terhadap kerjaya sebagai anggota Angkatan Tentera Malaysia, perkara ini adalah perkara serius kerana menurut Datuk Seri Najib (2001) dan Dato' Hj Shafie (2000) jumlah anggota yang meninggalkan perkhidmatan adalah melebihi 5000 orang setiap tahun, sebaliknya jumlah remaja yang menyertai tentera hanyalah lebih kurang 3000 orang

BAB 2

TINJAUAN KARYA

2.1 Definisi Pemilihan Kerjaya

Sofer (1973) menyatakan terma 'pemilihan kerjaya' selalunya digunakan sebagai satu label untuk bidang tertentu yang berkaitan dengan kemasukan remaja ke alam pekerjaan. Ia dikaitkan dengan kejayaan seseorang remaja dalam perkhidmatan atau kerjaya, samada penjawatan, pendapatan, tanggungjawab status, prestij ataupun kuasa.

Pemilihan kerjaya adalah satu proses dan boleh diambil untuk membayangkan bahawa seseorang yang meyertai pekerjaan, mereka membuatnya selepas satu pertimbangan yang berhati-hati dan sistematik ke atas alternatif yang terbuka kepada mereka, justeru itu cubaan untuk melaksanakan kecenderungan ini adalah satu perlakuan yang nyata dan berasingan

Kecenderungan personel adalah satu daripada pembolehubah yang mempengaruhi cara pilihan seseorang bila bertemu dengan alternatif yang kukuh; oleh itu cara pilihan itu tidak semestinya sistematik dan dijalankan dengan satu proses jangka panjang, dan faktor sosial 'luaran' mempengaruhi serta institusi memainkan peranan penting dalam mengeluarkan manusia ke arah satu atau lebih bidang pekerjaan. Oleh itu ia mempengaruhi taburan keseluruhan manusia dan pekerjaan.